

Etlingera, PPSB jalin kerjasama lonjakkan industri gaharu

KUALA LUMPUR – Etlingera Sdn Bhd, anak syarikat di bawah Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) menandatangani perjanjian kerjasama dengan Permint Plywood Sdn Bhd (PPSB) untuk melonjakkan industri produk gaharu bernilai RM8 bilion setahun.

Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, kerjasama itu membuka peluang kepada penanam gaharu secara kecil-kecilan agar berpotensi mengeksport produk mereka ke peringkat antarabangsa.

“Malaysia kini mempunyai kira-kira tiga juta pokok gaharu. Dengan menggunakan tek-

nologi yang dihasilkan Etlingera, ia dapat menghasilkan gaharu bermutu,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif GPB Datuk Nadzarudin Abdul Razak berkata, di bawah perjanjian itu, PPSB akan membekalkan 480 pokok karas matang, manakala Etlingera pula terlibat dalam aktiviti inokulasi, penuaian, pengangkutan dan pemprosesan minyak pati gaharu.

“Berdasarkan perjanjian ditandatangani, pembahagian keuntungan dimuktamadkan adalah 50-50 peratus di antara Etlingera dan PPSB,” katanya.

PPSB kini memiliki kira-kira 100,000 pokok karas yang ditanam di atas tanah seluas

40.4 hektar di Ladang karas Merchang di Marang, Terengganu.

Ketua Pegawai Eksekutif Etlingera, Suhaimi Shamsudin berkata, inokulum dihasilkan daripada penyelidikan Universiti Putra Malaysia telah diuji dan terbukti menghasilkan minyak gaharu bermutu tinggi dan telah digunakan untuk pasaran eksport.

Katanya, teknologi itu juga telah digunakan di Indonesia, Thailand, Kemboja dan Laos, manakala hasil minyak dan teras gaharu telah berada di pasaran Oman, Qatar, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Kuwait, China, Bahrain dan Perancis. - *Bernama*